

22 SEP 2000

Konvensyen-resolusi/I

MAJLIS MEDIA BAGI NEGARA BERKECUALI

SHAH ALAM, 22 Sept (Bernama) -- Penubuhan Majlis Media Negara-negara Berkecuali (NAC) adalah antara tujuh resolusi yang diluluskan Konvensyen Antarabangsa berkaitan peranan media dalam negara-negara berkecuali.

Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Konvensyen Datuk Mahadzir Mohd Khir berkata kepada pemberita pada akhir persidangan dua hari itu, para peserta sebulat suara bersetuju bagi pembentukan majlis itu untuk meningkatkan kerjasama yang lebih baik antara wartawan NAC.

"Konvensyen itu berpendapat majlis media itu apabila ditubuhkan akan berperanan merapatkan kerjasama antara wartawan NAM," katanya.

Persidangan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dihadiri kira-kira 400 wartawan dari media tempatan dan asing.

Persidangan itu dianjurkan bagi kali pertama oleh Pelajar Berkecuali dan Pertubuhan Berkecuali Pusat Serantau Asia Timur, Persatuan Wartawan Melayu dan kerajaan negeri Selangor.

Mahadzir yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan berkata apabila majlis itu ditubuhkan ia akan mengkaji bagi penubuhan pusat latihan wartawan NAC.

Satu lagi resolusi mengkaji kemungkinan mengadakan seminar, forum, bengkel dan kegiatan lain yang berkaitan dengan kewartawanan.

Konvensyen itu juga mencadangkan NAC mengguna pakai dasar hubungan rapat antara media melalui pertukaran lawatan, dan pembentukan perjanjian dua hala bagi memperkukuh hubungan antara pelbagai media.

-- BERNAMA

KM RI